

PEMBAHAGIAN PESAKA DI KALANGAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN : SATU KAJIAN KES-KES PESAKA
MENURUT ADAT DAN FARAID.

ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANAMUDA
PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARIAH WA AL-QANUN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1989

An ornate, symmetrical decorative border in a black and white woodcut style. It features intricate scrollwork, acanthus leaves, and floral motifs, forming a rectangular frame around the central text.

B A B
II

BAB II

PROSEDUR DALAM PEMBAHAGIAN PESAKA

2.1 PENGENALAN

Dalam bab kedua ini, penulis akan cuba untuk membincangkan beberapa aspek prosedur pembahagian pesaka sama ada mengikut adat ataupun faraid dengan tujuan untuk menjelaskan tentang bentuk-bentuk aturcara yang dipakai oleh Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil atau Pegawai Petempatan dalam mengendalikan penyelesaian kes-kes ke Pejabat Daerah untuk diselesaikan.

Di samping itu, penulis juga memberikan penjelasan tentang bentuk-bentuk pemilihan undang-undang berkait dengan pembahagian jenis-jenis harta yang berkaitan. Penjelasan tentang peruntukan undang-undang dalam pembahagian pesaka adalah penting sebelum penulis menganalisa kes-kes berkaitan dengan pesaka di dalam bab berikutnya.

2.2 ACARA DALAM PEMBAHAGIAN PESAKA.

2.2.1. Permohonan (Lihat lampiran A)

Selepas kematian tuan punya harta, permohonan kuasa hendaklah dibuat oleh waris-waris yang sah untuk membahagikan harta tersebut kepada waris-waris yang berhak. Caranya ialah dengan melantik salah seorang dari ahli waris untuk menguruskan penyelesaian pesaka tersebut. Permohonan ambil kuasa oleh waris-waris yang berkenaan akan menimbulkan masalah andaikata tidak ada keterangan rasmi mengenai sahnya kematian tuan punya tanah tersebut. Ini berlaku sekiranya tuan tanah itu menghilang atau tidak didengari berita darinya beberapa lama. Atas dasar inilah waris-warisnya akan menganggap tuan punya tanah telah mati, sedangkan keadaan sebenarnya ialah kerana "resit rasmi" yang diperlukan sebagai bukti kematian itu telah tiada ataupun hilang. Oleh yang demikian surat sumpah perlu dibuat; selepas itu barulah harta itu boleh dibahagikan kepada waris-waris yang berkenaan.

Sebelum perkara itu diselesaikan oleh Pejabat Tanah (Bahagian Pemungut Hasil Tanah), perkara itu terlebih dahulu dibawa ke Mahkamah Qadi untuk dibahagikan tanah atau harta pesaka itu dengan cara faraid, di mana ditentukan bahagian masing-masing di antara ahli-ahli waris itu. Selepas Mahkamah Qādī menentukan bahagian masing-masing, perkara itu akan dibawa kepada Pejabat

Tanah (Bahagian Pemungut Hasil Tanah) dan dibahagikan harta-harta itu kepada waris-waris yang berkenaan dan akan ditentukan hak masing-masing¹.

Dalam hal ini, pemohon perlu mengisi borang permohonan dan dikembalikan kepada Pegawai Pemungut Hasil Tanah dengan butir-butir yang diperlukan bersama-sama sijil si mati dan surat keterangan harta tersebut. Maklumat-maklumat yang perlu diisi antara lain ialah butir-butir nilai harta, nama ahli-ahli waris dan kaitannya dengan si mati². Permohonan untuk pembahagian adalah percuma dan boleh dibuat oleh salah seorang dari waris si mati atau orang yang berkepentingan dalam harta tersebut.

Borang permohonan itu akan disemak dan didaftarkan untuk menentukan sama ada permohonan kuasa seumpama itu telah dibuat ataupun belum, selepas itu pihak pendaftaran akan menghantar borang pertanyaan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Setelah itu jawapan yang mengesahkan hal itu dapatlah tindakan seterusnya dilaksanakan. Seandainya seseorang pemohon itu ada mempunyai dua lot tanah dalam dua daerah

¹ Temubual dengan Encik Mustapa bin Haji Alias, Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil Daerah Seremban, pada 16 Januari, 1989.

² Temubual dengan Ramly Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbiran Tanah Daerah Rembau) pada 26 Januari, 1989.

yang berasingan, terlebih dahulu penilaian akan dilakukan untuk mengetahui di daerah manakah yang lebih tinggi nilainya.

Oleh itu, permohonan atas tanah yang kurang nilainya antara dua daerah itu boleh disatukan permohonannya dengan daerah yang tinggi nilainya¹. Ini dilakukan untuk memudahkan pentadbiran dan juga pengurusan terhadapnya. Contohnya, A mempunyai tanah seluas 2 ekar yang berada dalam Daerah Rembau dan 5 ekar tanah lain berada dalam Daerah Seremban. Oleh itu permohonan tanah dalam Daerah Rembau itu akan disatukan dengan permohonan tanah yang terletak dalam Daerah Seremban.

2.2.2 Penilaian:

Setelah permohonan pembahagian selesai, Pemungut Hasil Tanah akan membuat penilaian ke atas harta-harta bagi menentukan sama ada harta itu termasuk dalam golongan Harta Pesaka Kecil iaitu nilainya tidak melebihi \$600,000² (Enam Ratus Ribu Ringgit sahaja). Penilaian ini juga dibuat untuk menentukan cukai harta pesaka (Duty Estate).

¹ Temubual dengan Encik Mustapa bin Haji Alias, Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil Daerah Seremban, pada 24 Januari, 1989.

² Nilai ini telah digazetkan pada 10hb. Jun, 1989 oleh Parlimen, temubual dengan Encik Mustapa bin Hj. Alias.

masalah faraid yang berkaitan sekiranya Pegawai Penyelesai Pesaka masih ragu-ragu terhadap keputusannya itu¹. Ini kerana Pegawai Penyelesai Pesaka juga berkemampuan untuk menyelesaikan pembahagian pesaka secara faraid, kerana mereka telah diberi pendedahan dalam hal ini. Pendekata, rujukan kepada Qādī itu hanya akan dilakukan sekiranya mereka meragui terhadap keputusan dalam pembahagian pesaka itu.

Dalam Daerah Seremban misalnya, telah ada Pegawai Penyelesai Pesaka yang berkemampuan menyelesaikan masalah pembahagian pesaka mengikut faraid. Oleh itu, segala kes yang memerlukan pembahagian secara faraid akan diselesaikan pembahagian oleh Pegawai berkenaan. Di samping itu beliau juga menyelesaikan pembahagian pesaka secara faraid di daerah-daerah lain di Negeri Sembilan. Satu perkara yang telah kita sedia maklumi bahawa Mahkamah Qādī tidak dapat melaksanakan dan menerima pembahagian cara adat, ia hanya boleh dilakukan oleh Mahkamah Adat sahaja.

Bagi tindakan selanjutnya notis untuk hadir dalam perbicaraan pada masa yang ditetapkan akan dihantar kepada ahli-ahli waris yang berkenaan. Pada masa

¹ Temubual dengan Ramly Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbiran Tanah Baerah Rembau) pada 26 Januari, 1989.

sekarang, notis-notis perbicaraan itu disampaikan oleh Penyerah-penyerah Notis Pejabat Tanah kepada waris-warisi mati dengan meminta mereka menandatangani satu borang sebagai satu pembuktian terhadap penerimaan notis tersebut¹.

Sekiranya Penyerah Notis itu tidak dapat mengesan di mana waris itu berada, jadi dalam hal ini notis itu bolehlah ditampalkan di tempat-tempat awam seperti masjid, balairaya, Pejabat Penghulu, Pejabat Tanah, Pejabat, Pejabat Daerah dan boleh juga menampalkan notis itu di atas atau harta yang berkenaan². Dengan cara ini berkemungkinan ada orang yang mengetahui di mana waris si mati itu tinggal dan dapatlah mereka dihubungi oleh pihak-pihak tertentu.

Kalau harta itu tidak ada waris yang akan menerimanya, maka harta itu akan diserahkan kepada Baitul-Mal, demikian juga kalau ada harta yang lebih setelah dibahagi-bahagikan kepada waris-warisi yang berhak menerimanya. Bahawa segala keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Qādi mesti diikuti oleh Mahkamah Adat atau Pejabat Tanah. Misalnya, Mahkamah Adat ataupun Pejabat Tanah mengatakan bahawa orang itu berhak untuk mendapat bahagian harta, tetapi apabila dibawa kepada

¹Lihat 'BUKTI PENYAMPAIAN' (DALAM Lampiran A).

²Temubual dengan Encik Mustapa bin Haji Alias, Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil Daerah Seremban, pada 24 Januari, 1989.

Mahkamah Qādī ia menyatakan bahawa orang itu tidak mempunyai hak atas harta itu. Dalam hal ini keputusan Mahkamah Qādī akan diutamakan¹.

2.2.4. Perbicaraan:

Setelah selesai dibuat penilaian dan pembahagian masing-masing ditentukan, hari perbicaraan pun ditetapkan. Sebelum perbicaraan, notis akan dihantar kepada waris-waris yang berhak sebulan sebelum tarikh perbicaraan itu dijalankan². Tujuannya agar waris-waris yang tinggal jauh ataupun yang bekerja dapat mengambil cuti untuk menghadiri hari perbicaraan tersebut.

Perbicaraan akan dijalankan oleh seorang Pemungut Hasil Tanah ataupun penolongnya. Biasanya tugas pembahagian diserahkan kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah atau Pemungut Hasil Tanah sahaja. Di Daerah Seremban misalnya, sesuatu perbicaraan itu akan dijalankan oleh seorang Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil; manakala di Daerah Rembau Pegawai Petempatan (Settlement Officer) hanya akan membicarakan kes-kes pesaka Tanah Adat di kawasan Rembau sahaja³.

¹Ibid.

²Temubual dengan Encik Mustapa bin Haji Alias, Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil Daerah Seremban, pada 16 Januari, 1989.

³Temubual dengan Ramly Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbiran Tanah Daerah Rembau) pada 26 Januari, 1989.

Maklumat-maklumat yang diperolehi dari waris-warisan dan juga saksi-saksi akan dicatatkan oleh Pegawai Pemungut Hasil Tanah di dalam Buku Bicara dan mereka akan diminta mengangkat sumpah terhadap segala maklumat yang diberikan itu. Biasanya, keputusan atau hukuman yang diputuskan oleh Pemungut Hasil Tanah atau Pegawai Penyelesai Pesaka adalah berdasarkan kepada waris-warisan sendiri sama ada mereka inginkan pembahagian menurut hukum syara^C (faraid) atau secara muafakat¹.

Ini adalah berdasarkan kepada sek.15(6)² yang memerlukan kebenaran waris-warisan untuk membuat pecahan bahagian masing-masing atau memberikan nilai wang ke atas harta tersebut. Ada Pemungut Hasil Tanah yang tidak mahu menghukum menurut sek. 15(2)³ iaitu dengan membuat peraturan muafakat waris-warisan yang cukup umur dan menggunakan kuasa Pemungut Hasil Tanah.

Sekiranya permuafakatan itu adil harta akan dibahagikan menurut lot-lot kepada waris-warisan, sekiranya waris tidak bersetuju sesama sendiri iaitu masing-masing tidak bersetuju atau ada yang menuntut harta bersama dan lain-lain persengketaan, satu surat kuasa akan dikeluarkan agar pihak yang tidak berpuashati itu membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi.

¹ Temubual dengan Encik Mustapa bin Hj. Alias.

² Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955.

³ Ibid.

Dalam perbicaraan, catitan bicara perlu dicatatkan dengan mengandungi perkara-perkara seperti berikut iaitu:

1. Nombor fail perbicaraan.
2. Tarikh, tempat dan nama orang yang hadir dalam perbicaraan.
3. Keterangan si mati seperti nama, tarikh mati dan juga bukti kematian.
4. Nama orang yang memohon harta tersebut.
5. Nama waris dan keterangan tarikh lahir, nombor kad pengenalan yang hadir dalam perbicaraan.
6. Nama saksi-saksi dan keterangan waris saksi atau pihak lain yang ada kepentingan.
7. Butir-butir mengenai harta alih dan harta tidak alih.
8. Catitan mengenai penyiaran dan penyerahan notis petisyen.
9. Keputusan perbicaraan.
10. Nilai harta selepas tarikh mati.
11. Bayaran perintah dan cukai pesaka.

Dalam peraturan perjalanan dan tempat perbicaraan adalah seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 11, 12, 13, 14 dan 15 dalam Akta (Pembahagian) Harta Pesaka Kecil. Di antara peruntukan yang telah ditetapkan ialah¹:

¹Tuan Haji Kamarul Zaman bin Haji Habib, 'Sistem Pengurusan dan Pembahagian Pusaka Kecil Di Semenanjung Malaysia', dalam kertaskerja Seminar Faraid Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 4 dan 5hb. Jun, 1983.

1. Tempat perbicaraan hendaklah di suatu tempat yang boleh didatangi oleh orang awam.
2. Semua kenyataan yang direkodkan hendaklah kenyataan-kenyataan yang dinyatakan dengan bersumpah atau secara pengakuan.
3. Soal selidik dan soal siasat hendaklah dibenarkan.
4. Penghulu-penghulu boleh diminta untuk memberi keterangan mengenai kedudukan ahli waris.
5. Fatwa-fatwa boleh diminta apabila perlu daripada pihak-pihak tertentu untuk menentukan agama dan undang-undang peribadi yang dipakai terhadap penurunan harta pesaka si mati.
6. Kuasa-kuasa untuk membuat Perintah hendaklah mengikut kehendak-kehendak seksyen 13 Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Perkara-perkara yang hendak ditentukan pada masa perbicaraan adalah seperti berikut:

1. Sama ada pemohon itu berhak memohon pembahagian pesaka ataupun tidak.
2. Bukti kematian yang sah.
3. Simati tidak ada meninggalkan sebarang wasiat.
4. Jumlah harta-harta peninggalan si mati.
5. Waris-waris yang berhak menerima pesaka si mati itu.
6. Agama si mati sendiri
7. Hutang dan piutang si mati sekiranya ada.
8. Perbelanjaan pengkebumian dan pesaka si mati.

9. Jika ada pembeli yang hadir akan ditentukan siapa sebenarnya yang memiliki harta itu.

1. Kesan Sampingan Perbincangan.

Dalam perbicaraan pembahagian pesaka ini, setiap waris yang hadir akan bersetuju dengan perintah pembahagian yang telah dikeluarkan oleh seseorang Pegawai Penyelesai Pesaka, jika mereka kurang puas hati atau tidak bersetuju terhadap perintah tersebut, akan terjadilah di kalangan mereka seperti pertelingkahan bersampingan atau memohon rayuan untuk perbicaraan semula kes itu.

Pertelingkahan Bersampingan.

Dalam Akta Pembahagian Harta Pesaka Kecil 1955, pertelingkahan bersampingan bererti pertikaian mengenai perkara-perkara berikut:

1. Mana-mana harta alih atau harta tidak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam mana-mana harta itu menjadi sebahagian daripada harta pesaka si mati.
2. Mana-mana orang yang berhak mendapat faedah mana-mana harta alih atau harta tidak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam mana-mana harta yang pada waktu kematiannya si mati memegang atau berhak memegang sebagai pemegang

amanah tetapi tidak berhak mendapat faedah darinya.

3. Apa-apa hutang atau jumlah wang tertentu yang kena dibayar kepada mana-mana orang yang menuntutnya daripada harta si mati, atau apa-apa hutang atau jumlah wang yang tertentu adalah menjadi hutang atau mesti dibayar daripada harta si mati kepada mana-mana orang yang si mati berhutang dengannya.
4. Apa-apa bahagian atau apa-apa hak atau kepentingan dalam mana-mana bahagian orang-orang yang berhak untuk menerima pesaka dalam harta si mati yang telah diserahkan atau diletakkan hak kepada mana-mana orang lain, sama ada yang berhak menerima pesaka ataupun tidak¹.

Apabila Pegawai Penyelesai Pesaka mendapati wujud pertelingkahan bersampingan semasa perbincangan diadakan, pegawai yang berkenaan hendaklah memberikan nasihat kepada semua waris-waris yang hadir bagi menyelesaikan pertelingkahan itu. Sekiranya gagal untuk menasihatnya perbincangan itu akan ditangguhkan dengan mengeluarkan perakuan dalam Borang L. Setelah mengeluarkan Borang L, Pegawai Penyelesai Pesaka hendaklah memutuskan sama ada ia boleh membicarakan atau memutuskan pertikaian tersebut.

¹ Akta Pesaka Kecil (pembahagian), 1955 sek. 14(1)(2).

Pegawai Penyelesai Pesaka boleh membicarakan pertelingkahan bersamping itu dan ia dikehendaki memberikan arahan dalam Borang O iaitu peraturan-peraturan kepada pihak yang berkenaan supaya meminta mereka membawa perbicaraan dalam tempoh dua bulan dari tarikh arahan itu dikeluarkan jika ada perkara-perkara berikut:

1. Hal-hal yang berkaitan pertikaian itu ialah harta tidak alih atau apa-apa hak atau kepentingan di dalamnya yang didaftarkan dengan nama si mati sebagai tuan punya bersama dan jika semasa kematian si mati orang lain telah mendudukinya dan jika Pegawai Penyelesai Pesaka berpuashati bahawa sebab suatu perjanjian jualan harta itu oleh si mati pada tarikh kematiannya tidak mempunyai hak atau kepentingan yang berfaedah dalam harta itu dan jika kepentingan berfaedah itu adalah menjadi pertikaian di antara dua pihak yang menuntut atau lebih.
2. Pertikaian itu ialah mengenai harta alih yang nilainya melebihi \$600,000.00.

Sekiranya Pegawai Penyelesai Pesaka ingin mengadakan perbicaraan dan memutuskan mengenai pertelingkahan bersampingan tersebut, pegawai itu mestilah mengambil tindakan berikut:

1. Menetapkan masa, tarikh dan tempat untuk membicarakan pertelingkahan bersampingan itu dan tarikh itu tidak boleh kurang daripada 30 hari.
2. Mengeluarkan notis dalam Borang M dan notis itu hendaklah ditampalkan di Pejabat Tanah atau di mana-mana tempat awam sebagaimana yang telah diarahkan oleh Pemungut Hasil Tanah daerah berkenaan.

Setelah proses di atas dan segala pertikaian diselesaikan, pegawai yang berkenaan hendaklah mengeluarkan perintah dalam Borang N iaitu selepas dibuat keputusan dalam pertelingkahan tersebut dan selepas menjelaskan bayaran perintah sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan pembahagian sebelum membuat perintah pembahagian. Pegawai yang bertugas boleh mengadakan semula perbincangan bagi maksud untuk mengambil keterangan dari waris-waris si mati mengenai apa-apa yang berkaitan.

Selepas itu pegawai yang berkenaan bolehlah membuat perintah ke atas pembahagian yang dituntut. Keputusan mengenai pembahagian tersebut terserahkan kepada perintah yang dikeluarkan oleh pegawai yang berkenaan. Sesuatu keputusan yang dikeluarkan adalah bergantung kepada soal selidik dan kajian dari waris-waris si mati yang diminta mereka bersumpah sebelum memberikan sebarang keterangan yang berkaitan. Segala

keputusan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penyelesai Pesaka adalah muktamad.

a. Rayuan Bicara Semula.

Sekiranya didapati pemohon-pemohon waris dan pihak yang ada kepentingan yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perintah pembahagian yang dikeluarkan seperti sebab-sebab berikut iaitu:

1. Apabila terjumpa sesuatu harta si mati sama ada harta alih atau harta tidak alih atau pembahagian si mati itu di dalam pembahagian si mati yang lain, yang tidak dimasukkan dalam senarai harta-harta di dalam permintaan yang asal.
2. Apabila perlu diganti seseorang yang telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi bahagian waris yang belum cukup umur ataupun kurang siuman.
3. Apabila didapati ada nama waris si mati yang berhak atas pesaka itu tidak dimasukkan namanya di dalam senarai nama-nama waris di dalam permintaan asal.
4. Sekiranya diperlukan seseorang itu untuk menggantikan seseorang pentadbir harta itu.

5. Apabila perlu ditarik balik caveat pemungut dan diperolehi perintah supaya tanah ataupun kepentingan itu diteruskan kepada waris-waris walaupun mereka telah dewasa.

Sekiranya di antara perkara-perkara yang telah dinyatakan itu berkaitan dengan pihak yang terlibat, ia dibolehkan untuk membuat sebarang rayuan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur supaya memohon untuk dilakukan ulang bicara semula terhadap kes tersebut dengan mengisi Borang K2¹. Borang itu hendaklah dikemukakan kepada pegawai yang bertugas beserta dengan bayaran rayuan sebanyak \$10.00.

Pegawai yang bertugas hendaklah menyediakan memorandum rayuan ke Mahkamah Tinggi itu ke dalam beberapa salinan iaitu:

1. Salinan bicara kuasa.
2. Perintah pembahagian yang telah dikeluarkan.
3. Dokumen ataupun keterangan lain yang berkaitan.
4. Senarai nama-nama dan juga alamat waris-waris yang terlibat di dalam kes rayuan itu.
5. Asas-asas kepada keputusan perintah pembahagian itu.

¹Borang K2 (Lihat Lampiran A).

Selepas memorandum rayuan itu disediakan, barulah tugas kerani pesaka dapat mendrafkan Borang K3 ke dalam beberapa salinan dan menghantarnya kepada pihak yang membuat rayuan bersama-sama dengan Borang K1. Tujuannya ialah sebagai notis untuk mengambil memorandum rayuan dan menyatakan jumlah bayaran yang dikenakan.

Pegawai kerani pesaka hendaklah menyediakan salinan borang-borang K1, K2 dan K3¹ bersama-sama dengan memorandum rayuan dan surat pengesahan segala bayaran dan dihantar kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk tindakan selanjutnya.

b. Perbincangan Kali Kedua.

Sekiranya ada terdapat waris-waris yang ada kepentingan dan merasakan sesuatu kekurangan mengenai apa-apa keterangan, ia boleh membuat permohonan perbicaraan kali kedua sama ada secara mulut ataupun surat kepada Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil atau kepada penolongnya, sekiranya aduan itu benar-benar wujud setelah kes itu selesai dibicarakan.

Di antara keadaan-keadaan yang boleh membuat permohonan untuk perbicaraan kali kedua ialah²:

¹Borang K1, K2 dan K3 (Lihat Lampiran A).

²Temubual dengan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timor, pada 11hb. Februari, 1989.

1. Masih ada lagi harta si mati yang tidak dimasukkan di dalam permohonannya yang asal.
2. Masih ada waris-warisan yang tertinggal atau sengaja ditinggalkan dan tidak pula dinyatakan semasa bicara.
3. Masih terdapat harta alih si mati yang sudah dijual dengan perjanjian yang sah dan bagi pihak pembeli tidak dinyatakan semasa perbicaraan.
4. Sekiranya ada aduan-aduan yang lain berhubung dengan membuat kenyataan palsu semasa perbicaraan kuasa itu dijalankan.

Semua permohonan hendaklah diisi dengan menggunakan menggunakan Borang P¹ yang telah disediakan di Pejabat Penyelesai Pesaka Kecil, pegawai yang bertugas akan mengemukakan notis perbicaraan bagi permohonan yang kemudian dalam Borang S² kepada semua waris untuk mereka menghadiri hari perbicaraan mengikut hari dan masa yang telah ditetapkan. Sekiranya pada hari perbicaraan itu tiada terdapat pertelingkahan antara waris-warisan simati, Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil boleh mengemukakan perintah dengan menggunakan Borang T³.

¹Borang P (Lihat Lampiran A).

²Borang S (Lihat Lampiran A).

³Borang T (Lihat Lampiran A).

2.3 PERANAN PEGAWAI PENYELESAI PESAKA.

Di Daerah Rembau terdapat seorang Pegawai Penyelesai Pesaka yang mentadbirkan kes-kes pesaka yang berlaku di dalam Daerah Rembau sahaja. Ia adalah penolong Petempatan Tingkatan Khas (Penolong Pentadbir Tanah Daerah Rembau). Tugas Pegawai ini adalah untuk mentadbirkan dan menyelesaikan kes-kes pesaka sama ada yang berkaitan dengan tanah faraid ataupun tanah adat yang terdapat di dalam Daerah Rembau sahaja.

Di samping itu Pegawai Petempatan ini juga bertugas untuk meneliti dan memproses borang-borang yang berkaitan dengan hal ehwal tanah serta menilai harta pesaka yang telah ditinggalkan oleh si mati. Pada umumnya cara pembahagian pesaka di setiap daerah di Negari Sembilan adalah sama sahaja. Dalam masalah yang berkaitan dengan Tanah Pesaka Adat sekiranya berlaku sebarang pertelingkahan, orang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya ialah Dato' Lembaga bagi setiap suku masing-masing¹.

Di Daerah Seremban terdapat seorang Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil yang mengendalikan urusan pembahagian pesaka kecil di Daerah Rembau dan Port Dickson. Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil ini pada

¹ Temubual dengan Encik Ramly Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbir Tanah Daerah Rembau) pada 26 Januari, 1989.

keseluruhannya adalah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, tetapi di dalam menjalankan kerja harian mereka adalah di bawah pengawasan Pegawai Jajahan bagi daerah di mana mereka ditempatkan dan bertugas¹. Tugas Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil tertumpu kepada mengadakan perbincaraan dan juga mengeluarkan perintah terhadap kes-kes^{***} yang dibicarakan itu.

Sebelum memutuskan sesuatu kes perbincaraan, Pegawai Penyelesai Pesaka atau Pegawai Pesaka perlu menimbangkan bidang kuasa yang diberikan bukan sahaja di dalam peruntukan undang-undang yang tercatat dalam undang Probet 1959, serta undang-undang yang berkaitan, bahkan juga kuasa-kuasa di bawah seksyen 15, Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955. Kuasa-kuasa yang diberikan ini adalah terhad terutamanya dengan wujudnya sekatan di bawah Seksyen 15(6) iaitu²:

"Tiada sebarang perintah pembahagian yang dibuat menurut seksyen-seksyen kecil (3), (4) dan (5) akan berkuat kuasa jika waris utama yang terlibat itu adalah seorang Islam atau seorang anak negeri, melainkan setiap waris

¹Pekeliling Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kuala Lumpur, Bil. (6) dalam KKT 16/2/12, bertarikh 20/11/1973.

²

Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955.

itu cukup umur dan berkeupayaan telah bersetuju, dan jika waris itu remaja atau seorang yang tidak berupaya penuh, persetujuan itu hendaklah diberikan bagi pihaknya oleh seorang penjaga yang dilantik di bawah seksyen 10".

Sungguhpun kuasa-kuasa yang telah diberikan di bawah seksyen 15 itu, wujud juga masalah dalam pembahagian pesaka orang-orang Islam. Namun begitu peranan dan tugas Pegawai Penyelesai Pesaka amat besar dalam mengendalikan kes-kes pembahagian pesaka di dalam daerah-daerah berkenaan.

Justeru itu Pegawai Penyelesai Pesaka mempunyai tugas-tugas yang lebih luas untuk menyelesaikan pembahagian pesaka adalah seperti berikut¹:

1. Pegawai hendaklah menentukan harta pesaka yang akan dibahagikan termasuk dalam Undang-undang Pembahagian Harta Pesaka Kecil, 1955 atau Undang-undang Probet, 1955 sekiranya perlu.
2. Penyiasatan hendaklah dilakukan bagi setiap pemohon. Siasatan ini berhubung dengan kedudukan waris-waris yang berhak dan memastikan beberapa kriteria yang perlu diambil kira antaranya ialah:

¹ Temubual dengan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timor, pada 11hb. Febuari, 1989.

- i. Pemilik harta itu telah mati.
 - ii. Setiap pemohon mesti ada kepentingan dengan harta pesaka itu.
 - iii. Memastikan tiada waris yang tertinggal.
 - iv. Tiada permohonan yang dibuat sebelumnya.
3. Pegawai Penyelesai Pesaka adalah berhak untuk membicarakan dan mengeluarkan keputusannya.
 4. Berkuasa mencegah ataupun membenarkan kemasukan peguam dalam perbicaraan dan orang yang menyaksikannya.
 5. Berkuasa sama ada hendak mempersetujui ataupun tidak daripada hasil siasatan oleh pihak peguam.
 6. Pegawai Penyelesai Pesaka berkuasa untuk menyaman perbicaraan itu sekiranya terdapat kesalahan dan menangguhkan perbicaraan tersebut.
 7. Pegawai Penyelesai Pesaka juga berkuasa untuk mengutip cukai pesaka.

2.3.1. Perintah Perlantikan:

Dalam Seksyen 10(1) Akta Harta Kecil (Pembahagian) 1955 dan peraturan 8¹ memperuntukan bahawa Pegawai Penyelesai Pesaka boleh membuat perintah perlantikan seseorang sebagai penjaga dalam keadaan tertentu bagi maksud segala perbicaraan untuk membahagikan harta pesaka kecil, Pegawai Penyelesai Pesaka boleh dengan perintah dalam borang E² dalam peraturan-peraturan melantik mana-mana orang yang sesuai dan sepatutnya untuk menjadi penjaga kepada seseorang remaja atau orang yang agalnya tidak sempurna yang dinamakan dalam permohonan itu sebagai orang yang berhak menerima pesaka ataupun sebagai pihak penuntut ke atas harta pesaka si mati atau orang yang pada pandangan Pegawai Penyelesai Pesaka ada kepentingan di dalam pembahagian harta pesaka tersebut³.

Apabila Pegawai Penyelesai Pesaka melantik seseorang penjaga, ia mestilah mengambil kira tentang undang-undang atau adat yang menyentuh remaja atau orang yang tidak sempurna agalnya itu. Pegawai Penyelesai Pesaka juga hendaklah membenarkan pemeriksaan-balas

¹Peraturan-peraturan Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955. (L.N. No. 495/55).

²Borang E (Lihat Lampiran A).

³Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, Edisi Kedua, hal. 6.

mana-mana saksi yang hadir dalam perbicaraan oleh mana-mana orang yang hadir menuntut bahawa ia berkepentingan terhadap harta pesaka itu atau orang yang dilantik sebagai penjaga kepada pihak yang berkenaan¹.

2.3.2. Proses Penyediaan Perintah.

Setelah Pegawai Penyelesai Pesaka menyediakan pembahagian-pembahagian yang sepatutnya kepada waris-waris yang berhak menerimanya, pegawai yang berkenaan hendaklah menjalankan tugasnya dalam menyelesaikan perintah pembahagian seperti berikut:

1. Penggunaan Borang E dan T bagi perintah pembahagian pesaka berikut iaitu:
 - a. Pembahagian menurut cara muafakat di antara waris-waris si mati.
 - b. Pembahagian menurut hukum syara^C.
 - c. Harta yang tidak alih seperti tanah, rumah dan lain-lain.
2. Penggunaan Borang H² bagi perintah pembahagian bagi waris yang belum cukup umur atau kurang siuman.
3. Penggunaan Borang F³ dan G bagi perintah pembahagian tentang perlantikan seseorang pentadbir harta itu.

¹Borang E dan T (Lihat Lampiran A).

²Borang H (Lihat Lampiran A).

³Borang F (Lihat Lampiran A).

Semua borang-borang tersebut hendaklah diisi oleh Pegawai Penyelesai Pesaka dan disertakan bersama-sama surat-surat lampiran yang berkenaan. Pegawai yang bertugas hendaklah menunggu selama 14 hari untuk membolehkan waris-warisi mati untuk membuat rayuan. Di samping itu pegawai yang berkenaan juga hendaklah mengeluarkan satu salinan borang perintah dan catatan bicara untuk disimpan di dalam buku bicara.

Sekiranya rayuan tidak dibuat terhadap perintah pembahagian itu oleh waris yang berkenaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah itu dikeluarkan, maka pegawai yang berkenaan akan meneruskan tindakan selanjutnya seperti pegawai itu hendaklah menyediakan salinan-salinan perintah yang secukupnya untuk diedarkan kepada Pejabat Tanah bahagian pendaftaran untuk memproses pendaftaran di bawah Seksyen 348 Kanun Tanah Negara 1965.

Pihak kerani di Pejabat Tanah hendaklah mengisi Borang B iaitu bahagian I (Notice of Issue of Grant)¹ dan akan dihantar ke Pendaftar Mahkamah Tinggi untuk makluman bahawa kes pembahagian pesaka itu sudah selesai dan begitu juga kerani pejabat pesaka akan mencatatkan dalam buku daftar pemohon sebagai kes telah selesai.

¹ Lihat Lampiran A.

2.4 HARTA PESAKA MENURUT UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA 1955.

Menurut undang-undang Pembahagian Harta Pesaka 1955 bahawa Harta Pesaka itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu¹.

1. Harta pesaka biasa.
2. Harta pesaka ringkas.
3. Harta pesaka kecil.

1. Harta Pesaka Biasa.

Harta yang tergolong dalam kategori ini ialah harta di mana nilainya melebihi daripada \$600,000 sama ada ianya terdiri dari harta alih atau harta yang tidak alih yang telah ditinggalkan oleh si mati.

2. Harta Pesaka Ringkas.

Harta yang termasuk di dalam kategori ini ialah harta alih sahaja yang nilainya tidak melebihi daripada \$600,000².

¹Dato' Haji Mohamed bin Haji Wan Mustafa, Hakim Mahkamah Tinggi Sabah, "Pentadbiran Harta Pesaka Orang-orang Islam", Dalam Kertas Kerja Seminar faraid Peringkat Kebangsaan di UKM pada 4-5 jun, 1983.

²Nilai ini telah digazetkan oleh Parlimen pada 10 Jun, 1988.

3. Harta Pesaka Kecil.

Ia merupakan harta-harta yang tidak alih yang telah ditinggalkan oleh si mati seperti tanah dan juga harta alih seperti wang tunai atau wang simpanan, saham atau pelaburan, KWSP dan lain-lain yang nilainya kurang \$600,000 dan tiada wasiat.

2.4.1 Harta Alih dan Harta Tidak Alih.

Harta alih ialah segala harta kepunyaan si mati selain dari tanah seperti wang simpanan, KWSP, tabung haji, pelaburan dalam sesuatu syarikat ataupun saham, pakaian, binatang ternakan dan lain-lain lagi yang boleh dipindahkan kepada waris si mati.

Manakala harta tidak alih pula ialah tanah yang telah diberi milik mengikut undang-undang tanah. Ini adalah kerana tanah itu tidak boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain. Sebarang bentuk benda atau bangunan yang terletak di atas tanah seperti rumah batu dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori harta yang tidak alih. Harta tidak alih mengandungi salah satu atau lebih dari harta-harta berikut iaitu :

1. Si mati memiliki tanah dengan daftar milik yang sah termasuklah tapak rumah, ladang getah, tanah sawah, tanah lombong dan sebagainya.

2. Si mati mempunyai kepentingan di atas tanah tersebut seperti gadaian atau pajakan yang mana nama si mati didaftarkan sebagai pemiliknya ataupun sebagai pentadbir atau sebagai pemegang amanah terhadap harta itu.
3. Tanah yang belum dikeluarkan geran tetapi namanya saja yang didaftarkan dalam buku yang bernama 'Rolls of Approved Application'.
4. Tanah atau bahagian harta si mati yang diamanahkan kepada pemegang amanah, di mana ketika ia hidup, ia belum lagi cukup umur ataupun tidak siuman yang menyebabkan beliau dipelihara oleh seorang pemegang amanah. Sekiranya harta itu belum lagi dituntut untuk didaftarkan dengan nama si mati, dalam hal ini waris si mati bolehlah mengemukakan tuntutan bersama dengan tuntutan pembahagian harta pesaka yang telah ditinggalkan oleh si mati itu.
5. Tanah yang dibeli melalui surat perjanjian yang sah dengan beberapa orang saksi ataupun rumah yang telah dibeli tetapi belum lagi dikeluarkan gerannya; yang ada hanyalah surat perjanjian sahaja.
6. Tanah ataupun bahagian yang sepatutnya diturunkan kepada si mati daripada harta

pesaka yang sedang dibahagi-bahagikan kepada waris-waris yang berhak menerimanya¹.

2.4.2 Wasiat Dalam Harta Pesaka.

Mengikut hukum syara^C orang-orang Islam hanya boleh membuat wasiat kepada individu, pertubuhan atau persatuan seperti wasiat kepada masjid, surau, anak-anak yatim atau fakir miskin dengan syarat tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta peninggalan si mati. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat bantahan daripada ahli waris mengenai sesuatu wasiat, ia akan dibicarakan sebagai pertelingkahan bersampingan dan penyelesaiannya adalah mengikut peruntukan seksyen 14 dalam undang-undang Pembahagian Harta Pesaka Kecil 1955.

2.4.3 Pelaksanaan Akta Harta Pesaka Kecil.

Akta ini dilaksanakan di negeri-negeri adalah secara berperingkat; di Negeri Sembilan ia telah dikuatkuasakan pada lhb. Julai, 1957². Kebanyakan harta orang-orang Islam yang ditadbirkan mengikut undang-undang ini adalah dianggap sebagai harta pesaka kecil.

¹ Temubual dengan Encik Sulaiman bin Kadimi, Penolong Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timor di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Seremban, pada 11hb. Februari, 1989.

² Akta Harta Pesaka (Pembahagian), 1955 hal. 1.

Oleh kerana seksyen 12(7) Akta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955 yang dimaksudkan memperuntukkan supaya ditentukan undang-undang yang terpakai terhadap penurunan pesaka seseorang si mati itu dan memutuskan bahagian hak masing-masing¹.

Walaupun undang-undang ini disemak pada tahun 1972, tetapi ia digunakan sebagai panduan bagi Pegawai Penyelesai Pesaka bersama-sama dengan peraturan-peraturan yang dilaksanakan dalam Undang-undang " Small Estate Distribution Regulation 1955 (L/N no. 495/55)

Oleh kerana itu, Pegawai Pembahagian Pesaka atau penolongnya hendaklah menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah ini yang mana difikirkan perlu iaitu² :

1. Undang-undang Syari'ah bagi orang-orang Islam terutamanya dalam surah an-Nisa' : ayat 11 dan 12- seperti yang dibuat dalam Jadual 1 dan ayat 282 surah al-Baqarah.
2. Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam di tiap-tiap negeri.

¹Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Bilangan 8/1980, edisi kedua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kuala Lumpur, hal. 8.

²Tuan Haji Kamarul Zaman bin Haji Habib, 'Sistem Pembahagian dan Pengurusan Pesaka di Semenanjung Malaysia', Dalam kertas kerja seminar Faraid Peringkat Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4 dan 5 Jun, 1983.

3. Enakmen Tanah Adat, Bab. 215.

Undang-undang ini memperuntukkan pembahagian tanah-tanah adat sahaja, harta-harta yang diperolehi sendiri dibahagikan seperti berikut :

Harta carian laki Bini dibahagikan seperti :

i. Atas kematian salah seorang suami isteri tanpa mempunyai anak , kesemuanya diturunkan kepada milik kepada yang hidup.

ii. Atas kematian suami yang meninggalkan anak-anak kesemuanya diturunkan kepada balu dan juga anak-anak si mati itu.

Kesimpulan:

Dalam masalah pembahagian pesaka mestilah mengikut prosedur yang tertentu iaitu permohonan menuntut pembahagian, penilaian terhadap harta itu, faraid Qadī dan seterusnya diadakan perbicaraan.

Pegawai Penyelesai Pesaka memainkan peranan penting dalam masa sesuatu perbicaraan itu dijalankan. Ia bertanggungjawab untuk mengeluarkan sesuatu perintah perlantikan seseorang sebagai pemegang amanah (trustee) kepada orang yang tidak sempurna akalnya. Proses penyediaan perintah untuk pembahagian harta pesaka juga dilakukan oleh Pegawai Penyelesai Pesaka itu. Borang-borang tersebut akan diisi oleh Pegawai tersebut dengan

disertakan bersama surat-surat lampiran yang berkenaan.

Undang-undang Pembahagian Harta Pesaka Kecil juga sedikit sebanyak dapat membantu Pegawai Penyelesai Pesaka dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam pembahagian sesuatu harta pesaka kecil itu.